

## Belenggu Pemikiran Masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu: Peranan Majalah *Qalam* Sebelum Merdeka (1950-1957)

The Shackles of Malay Muslim Thinking in Malaya (Tanah Melayu): The Role of *Qalam* Magazine Before Independence (1950-1957)

MOHD SHAHRUL AZHA MOHD SHARIF  
ARBA'IYAH MOHD NOOR  
MOHD FIRDAUS ABDULLAH

### ABSTRAK

*Kebudayaan Melayu dan Islam mempunyai nilai kesepaduan yang kuat. Islam banyak mempengaruhi nilai amalan masyarakat Melayu dari segi cara berfikir, akhlak dan tingkah laku serta akidah dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, ada di antara amalan sehari-hari yang diamalkan itu tidak selari dengan ajaran Islam sehingga menyebabkan kemunduran kepada bangsa Melayu. Kajian ini, menganalisis isu kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam pada pertengahan abad ke-20, seterusnya mengenal pasti sejauh mana peranan majalah Qalam membentuk minda masyarakat Melayu dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi arus modenisasi sebelum merdeka. Kajian ini dilakukan dengan kaedah penyelidikan sejarah berbentuk kualitatif dengan menganalisis dan menginterpretasi kandungan majalah Qalam sebagai rujukan utama di samping rujukan pelbagai sumber yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya. Tidak dinafikan lagi, Qalam adalah sebuah majalah Islamik yang melaungkan suara pemodenan dan perubahan kepada orang Melayu supaya terus ke hadapan seiring dengan pembangunan yang kian pesat. Qalam telah menjalankan tanggungjawab sosial sebaik mungkin dengan memperjelas kepentingan budaya berfikir yang menyeru agar masyarakat Melayu perlu menyingkir kepercayaan dan amalan tradisional mereka seperti taqlid buta, berserah kepada ketentuan dan nasib serta kepercayaan khurafat. Ini kerana perlakuan tersebut boleh membelenggu pemikiran dan merencat perkembangan orang Melayu mengecap kemajuan. Justeru Qalam mengesyorkan supaya ulama menjadi pemimpin ke arah membentuk minda masyarakat Melayu menghadapi cabaran kemodenan dengan berijihad. Cabaran kemajuan memerlukan orang Melayu sedar akan kelemahan mereka khususnya tentang budaya berfikir. Oleh itu, mereka harus keluar dari kepompong kejumidan dan kemunduran ilmu pengetahuan agar dapat membina kecemerlangan berlandaskan acuan Islam sebenar.*

*Kata kunci:* *Qalam; Melayu; Islam; modenisasi; budaya berfikir*

### ABSTRACT

*Malay culture and Islam are strongly integrated, whereby Islam has, since its arrival, influenced the Malay way of thinking, morality, behavior, belief and faith. However, daily practices, which did not conform to true Islamic teachings, caused the Malay community to regress. This study analyzed the issue of regression faced by the Malay Muslim community in the mid-20th century, while identifying the role of Qalam, an Islamic magazine, in shaping the minds of the Malay community to prepare them for modernization before independence. A qualitative historical analysis and interpretation was conducted on the contents of Qalam magazine as the main reference and various other sources from the National Archives of Malaysia and the University of Malaya Library. Qalam had undoubtedly raised the voice of modernization and change among the Malays to move forward in line with increasing rapid development. Qalam had not only built a sense of social awareness and responsibility in the Malay community but also clarified the importance of changing their mindset towards the beliefs and traditional practices such as blind acceptance of predestination and superstitions which hinder the progress of the Malays. Qalam advocated the role of the ulama in leading and molding the minds of the Malay community to realistically and diligently face the challenges of modernity. Hence, the Malays must be aware of their own weaknesses, particularly, on the importance of reasoning, in order for them to overcome the state of stagnation and backwardness of knowledge and strive towards building excellence in the true Islamic way.*

*Keywords:* *Qalam; Malay; Islam; modernizing; reasoning*

## PENGENALAN

Pada tahun 1950an menyaksikan Tanah Melayu menuju kemerdekaan dengan persediaan ke arah pembinaan satu bentuk rupa dan negara bangsa yang pastinya memperlihatkan pertembungan antara nilai tradisi, agama, kemodenan dan nilai-nilai Barat yang ditinggalkan akibat penjajahan. Majoriti orang Melayu masih berpegang kepada amalan dan pandangan konservatif dalam agama. Pegangan nilai tradisi ini begitu kuat sehingga orang Melayu sukar menerima perubahan dan keliru dengan perkembangan pesat dan kemodenan yang berlaku di sekeliling mereka. Orang Melayu masih mempunyai pandangan yang pesimis terhadap pembangunan dan kemodenan. Pesimis adalah satu tanda yang terdapat dalam zaman jahiliah yang dianggap sebagai satu sifat yang menjadi adat kehidupan kaum musyrikin. Mereka melebihi kebodohan mereka, mengelincikan akal mereka serta menyelewengkan pemikiran mereka (*Qalam* bil. 2 1950). Untuk itu, wajib bagi umat Islam membersihkan aqidah mereka dari *bertaqlid* buta, kepercayaan karut, berserah pada nasib dan membebaskan mereka dari belenggu adat-adat keji yang dapat disimpulkan sebagai kelemahan budaya berfikir. Pada ketika ini Majalah *Qalam* dilihat sebagai bahan bacaan yang konsisten menggesa agar setiap individu yang mempunyai kelayakan bersandarkan akal yang sihat dan tajam melihat kepentingan budaya berfikir sebagai alat untuk mempercambah bidang ilmu demi kesejahteraan masyarakat.

Majalah *Qalam* diasaskan oleh Syed Abdullah Hamid Al-Edrus (Edrus) menerusi syarikat percetakan beliau sendiri iaitu *Qalam* Press yang beroperasi di Geylang Road, Singapura pada tahun 1950 (Talib Samad 2004). Majalah *Qalam* telah menemui pembaca selama 19 tahun sehingga 1969. Dalam tempoh itu, majalah *Qalam* telah terbit sebanyak 228 bilangan dan pernah mencatat hasil jualan tertinggi dengan 20 000 naskah terjual pada bulan Julai 1951 (*Qalam* Bil. 11 1951). A. Ghapa Harun (1997) mengatakan, majalah *Qalam* sebagai sebuah majalah yang berorientasikan agama melihat Islam sebagai agama yang progresif, mementingkan ilmu pengetahuan dan mendorong manusia

menguasai alam sekeliling, malah boleh menjadi penggerak kepada sesebuah masyarakat. Sementara, Abdullah Hussain (2005) dalam memoirnya pernah mengatakan “majalah *Qalam* sebagai majalah agama yang cukup popular, tidak ada tandingannya pada masa itu, majalah *Qalam* mempunyai pembaca yang cukup banyak.”

Sesuai dengan namanya, ‘*Qalam*’ telah dipilih berdasarkan ayat Al-Quran Surah al-‘Alaq ayat tiga dan empat, “*Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang maha pemurah, yang mengajar manusia melalui pena (qalam) dan tulisan*” (*Qalam* Bil. 74 1956). Justeru, dapat difahami penerbitan *Qalam* dilakukan demi meninggikan syiar Islam dan memperkaya pengetahuan pembaca mengenai dunia Islam. Peranan itu terserlah dalam kritikan-kritikan *Qalam* terhadap masyarakat Melayu yang bertujuan memperbetulkan tindak tanduk orang Melayu yang menyimpang dari landasan Islam sebenar. *Qalam* sering mengetengahkan idea-idea pembaharuan dan modernisme yang menyeru masyarakat untuk menerapkan budaya berfikir melalui tulisan cendekiawan di Tanah Melayu seperti Za’ba, Zulkifli Muhammad dan Fadhlullah Suhaimi, juga tulisan dari reformis Islam serata dunia misalnya ulama-ulama terkenal dari Timur Tengah dan Indonesia seperti Muhammad Farid Wajdi, Syeikh Mahmud Abu al-Uyun, Dr. Taha Hussein, Syed Jamaludin Al-Afghani, Syeikh Muhammad Abdurrahman, Prof. Abdul Qahar Mudhakir, Syeikh Ali Tantawi, Hamka, Mohammad Natsir, Ustaz Hasan bin Ahmad dan Haji Agus Salim. Penyelidikan ini telah mengenalpasti beberapa isu utama kemunduran oleh masyarakat Melayu seperti *taqlid buta*, kepercayaan khurafat, menerima ketentuan Allah (Qada’ dan Qadar) dan ulama sebagai tokoh pemikir melalui *ijtihad* yang dilihat telah disentuh dengan begitu mendalam dalam beberapa keluaran *Qalam*. Rentetan daripada itu, *Qalam* dilihat telah menyusun strategi dalam memberi kesedaran melalui analisis, nasihat dan panduan kepada para pembaca sekaligus menunjukkan majalah ini bukan sekadar majalah, sebaliknya ia berperanan dalam mengkonstruksi para pembaca berdasarkan acuan pemikiran mereka yang tersendiri.



GAMBAR 1. Kulit Hadapan Majalah Qalam

Sumber: Qalam, bil. 1, Julai 1950

## PERBINCANGAN

## TAQLID BUTA

Menurut Imam al-Ghazali, *taqlid* bermaksud mengikut pendapat orang tanpa hujah, manakala Dr. Wahbah al-Zuhaily menjelaskan bahawa *taqlid* pada istilah ialah mengambil perkataan atau pendapat orang lain tanpa mengetahui dalilnya (Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali 1997). *Taqlid* buta banyak membawa kerosakan dan boleh membawa pengamalnya terpesong kepada jalan yang sesat. Allah SWT mencela keras mereka yang hanya mengikut sesuatu pendapat tanpa mengetahui alasan atau hujah dengan membuta tuli sahaja sebaliknya manusia perlu berfikir dan berusaha untuk mengetahui perkara yang disyariatkan. (Abdul Latif Muda 2003). Segelintir orang Melayu masih mengikut pandangan orang dahulu dengan tiada dipertikaikan lagi salah benarnya sesuatu perkara itu. *Qalam* melaporkan banyak terjadi perbalahan

dalam kalangan orang Melayu di kampung-kampung akibat terlalu taksub (*taqlid* buta) dengan pandangan sesetengah golongan sehingga wujud tuduhan mengkafirkan, memurtadkan dan memburuk-burukkan pihak lain. (Qalam Bil. 77 1956) Tokoh pemikir reformis Mesir, Farid Wajdi menyatakan antara punca-punca mengapa masyarakat Islam tertinggal ke belakang berbanding bangsa lain adalah kerana terlalu berpegang kepada kepercayaan tradisi dan budaya *taqlid* buta yang akhirnya menyekat kemajuan. Menurut beliau:

Kemunduran Islam itu sebabnya yang utama ialah oleh kerana mereka telah berpegang kukuh dan mengerjakan segala adat istiadat dan fahaman yang lapuk yang dengan kerananya Islam telah datang hendak meleburkannya dan menggantikannya di tempatnya suatu peraturan masyarakat yang bebas sebagai landasan bagi sekalian umatnya, melaluiinya untuk mencapai kemajuan dengan bebas daripada belenggu-belenggu fahaman-fahaman yang lama yang biasanya menjadi penghalang kepada tiap-tiap gerak langkahnya.

(Qalam Bil.6 1951)

Kelemahan orang Melayu berfikir dalam menentukan kesahehan sesuatu sebelum mengamalkannya boleh merosakkan aqidah. Menurut *Qalam*, ada dalam kalangan orang Melayu yang sudah tidak mengetahui lagi tentang erti ‘sujud’ kepada tuhan yang maha Esa akibat dari pelajaran *taqlid* buta yang telah menutup hati, pendengaran dan penglihatan mereka. Natijah daripada *taqlid* buta itu menyebabkan segala amal ibadat mereka tidak meninggalkan kesan apa-apa untuk mempengaruhi jalan dan tujuan hidupnya bagi memperoleh kemakmuran dan kebahagiaan. Sesetengah masyarakat Islam di Tanah Melayu amat sedikit yang sebenar-benarnya ‘sujud’ kepada Allah dalam amal perbuatannya sambil menyifatkan *taqlid* buta, ajaran sesat dan kepercayaan karut telah menyebabkan mereka ‘mati’ sewaktu mereka masih hidup (*Qalam* Bil. 13 1951). Dalam hal ini ketegasan *Qalam* terserlah apabila mengcam Utusan Melayu Press sebagai anti-agama kerana menyiarkan sajak tulisan Asraf dalam majalah *Mastika* yang bertentangan dengan Islam:

Maha Pencipta  
Hanya madah semata  
Supaya kau lena hingga  
Jasad jadi alat belaka  
Hanya ada satu buana  
Yang hanya buat kita semua  
Tidak ada lain dunia  
Tidak ada syurga neraka  
Dunia buruk jadi neraka  
Masyarakat adil jadi syurga

(Mastika Bil. 41 1950)

Sajak tersebut menurut *Qalam* seharusnya tidak disiarkan kerana mempunyai maksud yang menafikan kewujudan dan menidakkann keesaan Allah SWT sebagai tuhan yang wajib disembah dan perbuatan itu menurutnya boleh menjadikan seseorang itu murtad. Difahami bahawa *Qalam* bimbang tulisan-tulisan sebegini akan membawa bencana kerana meracun fikiran mereka yang tidak kuat imannya dan kurang pengetahuan tentang kewujudan tuhan yang berkuasa ke atas sekalian alam. Apatah lagi sebahagian besar pembaca majalah *Mastika* terdiri dari orang Melayu yang beragama Islam sudah tentu ia akan menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan mereka yang beriman kepada Allah. *Qalam* menegaskan:

Jika kamu tidak mengetahui dan tidak mempunyai dasar yang kuat tentang Islam kamu maka hendaklah kamu menjauhkan diri daripada mencuba-cuba daripada mempelajari fahaman-fahaman yang boleh menyesatkan.

(Qalam Bil. 2 1950)

Justeru, pengetahuan mengenai hakikat akidah Islam perlu diimani dengan setinggi-tinggi keyakinan terlebih dahulu sebelum segala sesuatu yang lain. Pengetahuan tentang akidah boleh menghilangkan segala bentuk keraguan dan kesangsian terhadap keyakinan seseorang (Mohd Haidhar Kamarzaman et al. 2015). *Qalam* menekankan supaya pengikut Islam menitikberatkan penaakulan dan budaya berfikir, tidak hanya mempercayai sesuatu dengan ‘membuta tuli’ dan mengamalkan sesuatu perkara tanpa usul periksa atau disebut *taqlid* buta (Mohamad Razif 2018). Selari dengan firman Allah dalam surah al-Isra’ ayat 36, *Janganlah engkau turuti apa yang engkau tidak tahu*. Abdullah Basmeh juga dalam tulisannya sering memetik ayat yang banyak kali disebut dalam pelbagai surah dalam Al-Quran, *Tidakkah kamu berfikir* (Afalā ta’qilūn) (*Qalam* Bil. 6 1951). Ini menunjukkan betapa Islam mempunyai hubungan yang harmonis dengan budaya berfikir dan menolak *taqlid* buta. Di sinilah akal seharusnya digunakan sebijaksana yang mungkin agar tahu hujung pangkal dengan apa yang kita kerjakan. Proses berfikir dan bertukar-tukar buah pandangan itu seharusnya diamalkan bagi mengelakkan salah faham dalam masyarakat. Salah satu yang menghindarkan manusia dari kejumudan budaya berfikir dan untuk mengelakkan orang Melayu terus ketinggalan dari bangsa lain ialah dengan memperoleh ilmu pengetahuan.

Imam-imam yang muktabar seperti Imam Syafie, Imam Malik, Imam Hanafi dan Imam Hanbali sendiri tidak pernah menyuruh pengikut-pengikut mereka *bertaqlid* buta atau menerima sahaja segala fahaman dan pandangan mereka. Sebaliknya mereka sentiasa menggalakkan murid-murid dan pengikut mereka supaya menyiasat sendiri, memeriksa dan membuat pertimbangan dengan teliti akan segala pendapat dan keputusan yang telah mereka peroleh itu (Abd Latif Muda & Rosmawati 2001). Malah dalam kalangan imam-imam tersebut tidak pula mempunyai pandangan yang sama dalam hal-hal tertentu sehingga telah membentuk mazhab dan pengikut masing-masing walaupun Imam Malik adalah guru kepada Imam Syafie, manakala Imam Syafie adalah guru kepada Imam Hanbali.

Perkara ini tentulah membawa satu pengajaran bahawa setiap ilmu yang diperolehi tidak semestinya ditiru dengan melulu dan membata tuli tanpa fahaman yang terang dan akal untuk berfikir. Maka tidaklah akan berkembang sesuatu ilmu itu jika seseorang itu hanya menuruti sahaja tanpa adanya proses menceerna dan mencerakinkan ilmu itu. Perbuatan *taqlid* buta tidak akan mencelikkan akal dan memajukan kebolehan berfikir yang Allah SWT telah kurniakan nikmat akal sebagai sebesar-besarnya nikmat kepada manusia. Inilah yang cuba disampaikan *Qalam* supaya masyarakat menggunakan keupayaan akal dalam menaakkul, mengintreperti berdasarkan persepsi dan konsep pemahaman sendiri. Dalam dunia moden hari ini, proses ini dipanggil atas pemikiran kritis dan analisis intelektual yang melibatkan kaedah penyulingan untuk mencari kebenaran bagi menimbulkan sesuatu idea yang baharu.

Walau bagaimanapun, tidak semua perbuatan *taqlid* itu dianggap menyalahi kehendak Islam. Islam mengharuskan *bertaqlid* dalam beberapa perkara. Contohnya bagi perkara-perkara yang diluar bidang atau pengetahuan yang individu atau masyarakat itu kurang mahir, maka perkara itu boleh diterima tanpa mempersoalkannya kerana telah disahkan betul oleh mereka yang ahli dalam bidang tersebut (Abdul Latif Muda 2003). Mereka yang tidak mengetahui perlu bertanya kepada mereka yang lebih mengetahui, seperti firman Allah SWT.: "... bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui". (Surah al-Nahl 16:43). *Taqlid* yang demikian itu bukanlah dianggap sebagai *taqlid* buta kerana masyarakat mengamalkan sesuatu yang telah dijamin kesahihannya terutamanya berkaitan sesuatu hukum syarak, contohnya *ijtihad* Rasulullah s.a.w. (Qalam Bil. 31 1953). Sebilangan ulama telah bersepakat bahawa Rasulullah s.a.w harus melakukan *ijtihad* pada perkara yang tiada nas. Ulama jumhur mengatakan bahawa *ijtihad* Rasulullah s.a.w adalah dalil hukum yang diyakini maka ia tidak membawa kepada kesalahan. Sekiranya berlaku kesalahan segera ditegur oleh Allah SWT (Latifah Abdul Majid 2001).

Ini bermakna, setiap orang Islam dalam mengerjakan ibadah diperintahkan mengerjakannya dengan tidak perlu mempersoalkan *ijtihad* Rasulullah dan ulama mujtahidin asalkan nas-nas suruhan ibadah itu sahih datangnya daripada Allah dan RasulNya (Latifah Abdul Majid 2001). Dalam menggunakan akal untuk berfikir, Rasulullah s.a.w.

memberi petunjuk dan peringatan supaya kita jangan melebihi sempadannya seperti sabda baginda "berfikirlah kamu tentang makhluk Allah, janganlah berfikir tentang zat-Nya (Qalam Bil. 53 1954). Jadi, terang kepada kita bahawa akal manusia mempunyai had tertentu yang hanya boleh berfikir mengenai hal-hal keduniaan seperti kejadian makhlukNya tetapi tidak kepada berfikir tentang zat Allah SWT. itu sendiri. Dalam perkara ibadah pula hendaklah kita bersedia mendengar dan taat iaitu tidak boleh di dalam setiap ibadah yang kita kerjakan itu dipersoalkan kenapa ia dilakukan.

Za'ba, selaku cendekiawan Melayu telah melontarkan buah fikirannya dalam *Qalam* mengenai kepentingan budaya berfikir melalui ruangan 'Mencapai Ketinggian Dunia dan Akhirat: Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri'. Za'ba telah menulis dalam empat bilangan *Qalam* secara bersambung-sambung (Qalam Bil. 32 1953). Menurutnya, ilmu pengetahuan, latihan dan pelajaran sangat penting sebagai alat bagi memandu akal untuk berfikir. Ilmu pengetahuan membolehkan orang Melayu bersaing dengan bangsa lain. Tegasnya, setiap orang yang mempunyai ilmu pengetahuan haruslah menggunakan akalnya membuat pertimbangan dalam amalannya serta mengambil keputusan daripada pemahaman sendiri berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Dapat difahami bahawa, masyarakat yang berilmu tidak harus menerima mentah-mentah ilmu yang disampaikan sebaliknya harus berfikir untuk menentukan tentang baik buruknya, salah betulnya dan manfaat atau kekurangannya.

#### KEPERCAYAAN KHURAFAT

*Qalam* menarik perhatian pembaca kepada amalan khurafat (bidaah) yang kerap kali dilakukan oleh kebanyakan orang Melayu dengan tidak disedari kerana tidak mendapat penerangan yang sebenarnya. Zaa'ba mengatakan, perbuatan seperti memuja-muja keramat atau tempat-tempat yang dipercayai kononnya 'keramat', bernazar dan membayar niat di tempat-tempat keramat itu dengan memotong kambing dan mandi darah kambing, adat berpuah atau menyemah untuk menghalau hantu dari hulu ke kuala sungai, kepercayaan yang mengatakan segala penyakit itu disebabkan tersampuk hantu, terkena badi, keteguran dan sebagainya didapatkan masih berakar umbi di hati orang Melayu walaupun orang Melayu telah menerima Islam lebih 700 tahun (Qalam Bil. 27 1952). Selain itu, masyarakat Melayu juga mempunyai kepercayaan bahawa

suatu benda atau barang yang terdapat di Tanah Suci Mekah itu semuanya mengandungi ‘berkah’, umpamanya, tasbih yang datang dari Jerman, celak dari India, pinggan mangkuk dari England, kain dari Jepun dan apa sahaja yang dibawa masuk dan dijual di Mekah itu mempunyai ‘berkah’ sehingga mereka sanggup membelinya walaupun harganya mahal (Qalam Bil. 29 1952). Sementara itu, perbuatan mandi Safar yang dilakukan pada akhir hari Rabu setiap bulan Safar juga sering dilakukan oleh orang Melayu terutama di Melaka. Mandi Safar dilakukan sama ada di bandar atau berkelah di tepi pantai. Pada hari mandi Safar, mereka yang meraikannya akan meminum air yang ditulis dalam mangkuk atau daripada kertas yang direndam ataupun dengan daun-daun yang ditulis dengan lafaz-lafaz yang bertujuan menolak bala. Pada setengah tempat diadakan pula perayaan dengan berhimpun beramai-ramai membawa anak isteri menari dengan terkinjakinja dihadapan khalayak. Anak-anak gadis pula berpeluang bertemu dan berkenalan-kenalan dengan pemuda-pemuda (Qalam Bil. 4 1950).

Kepercayaan khurafat menurut Za’ba dilakukan oleh orang Melayu yang tiada pelajaran dan lemah akal fikiran. Ia boleh dianggap sebagai mencemarkan agama (Qalam Bil. 27 1952). Perbuatan sebegini adalah perbuatan mereka yang tidak mahu berfikir kerana telah jelas setiap amalan yang dilakukan tidak bersandarkan dalil syarak dan berlawanan pula dengan kandungan kitab Allah SWT dan hadis Rasulullah s.a.w. Perbuatan yang tidak ada keterangan mengenainya di dalam Al-Quran atau Hadis atau *ijmak* ulamak adalah perbuatan bidaah yang dilakukan oleh mereka yang jahil. Pemikiran yang didasarkan kepada kejahilan ini menyebabkan masyarakat Melayu melihat sesuatu perkara dari perspektif yang agak celaru iaitu Islam memerlukan unsur lain supaya dapat berdiri kukuh atau fahaman yang membolehkan kebenaran Islam lebih diyakini dengan menokok tambah ajaran Islam (Ahmad Mohamad Said 1996).

Za’ba menyuarakan kekesalannya apabila ramai dalam kalangan orang Melayu yang tidak berusaha sendiri dalam mengerjakan amal ibadat sebaliknya hanya bergantung harapan akhirat daripada amalan orang lain. Mereka yang mampu akan membayar dan berharap kepada doa tok-tok lebai, tok-tok alim dengan sedekah tahlilnya sebagai persediaan alam akhirat kelak. Sikap sedemikian harus dihindarkan dan mengelakkan dari sentiasa bergantung harap kepada orang lain. Orang Melayu diseru supaya tidak mengharapkan orang lain untuk kesejahteraan

diri sendiri sebaliknya perlu berusaha memajukan diri sendiri dengan ilmu dan pengetahuan. Orang Melayu juga digesa agar tidak mudah berpuas hati duduk kekal dalam kejahanan seumur hidup kerana keadaan demikian itu ialah suatu sifat kekurangan yang tercela dan mengakibatkan kelemahan berterusan dalam budaya berfikir (Qalam Bil. 31 1953).

*Qalam* mengakui bahawa memerangi bidaah dan khurafat adalah suatu perkara yang terlalu sukar. Namun, umat Islam perlu menjauhi kepercayaan itu supaya dapat memelihara darjat dan sifat kemuliaan manusia daripada dirosakkan oleh kebodohan. Asasnya tiada lain melainkan, masyarakat Melayu Islam wajib kembali kepada ajaran Islam sebenar serta meneliti sumber daripada al-Quran dan Hadith (Qalam Bil. 27 1952) Sebagaimana firman Allah SWT.:

Sesungguhnya ini jalanku yang lurus, maka ikutlah kamu akan dia. Janganlah diikut beberapa jalan yang lain yang menceraikan kamu daripadanya. Demikianlah Allah berwasiat kepada kamu, mudah-mudahan kamu takut dan menjauahkan diri dari larangannya.

(Surah Al-An’ām 6:153)

*Qalam* sering mengingatkan bahawa setiap perbuatan khurafat itu akan menyesatkan manusia dan setiap perbuatan yang sesat pula tempatnya di neraka. Sebenarnya sebab-sebab berkembangnya perbuatan bidaah dan khurafat dalam kalangan orang Melayu adalah kerana kebanyakan mereka mempunyai sikap gemar mengerjakan amalan agama yang dipandang lebih sempurna lalu ditokok tambah sedikit demi sedikit dari satu ke satu masa sehingga sebagaimana keadaannya yang ada sekarang (Qalam Bil. 31 1953). Pada hal agama Islam telah lengkap sempurna dan tidak memerlukan penambahan dalam perkara-perkara ibadat. Untuk itu, umat Islam digesa menghindarkan perbuatan yang ‘mengurang’ dan ‘menambah’ amal-amal yang disuruh oleh agama (Qalam Bil. 27 1952). *Qalam* menggariskan landasan bahawa setiap perbuatan yang tidak pernah dijalankan dan tidak pula diperintah atau dibolehkan oleh Rasullullah s.a.w. harus dielakkan. Sudah menjadi *ijmak* (persefakatan) para sarjana hukum Islam, bahawa al-Sunnah merupakan sumber kedua hukum Islam setelah Al-Quran. Seorang Muslim yang tidak beriman kepada *hujjiyyah al-Sunnah*, boleh terkeluar dari Islam (Muhammad Abu al-Laith 2005).

Walau bagaimanapun, menurut *Qalam* ada juga amalan yang dilakukan oleh masyarakat Islam

di negara ini yang walaupun tiada nas atau dalil, tidak pernah dilakukan oleh nabi dan sahabat, bahkan imam yang empat pun tidak menyentuh perbincangan mengenainya tetapi boleh dilakukan atas sebab kebaikan dan menghidupkan semangat keislaman. Amalan tersebut ialah perayaan sambutan Maulid Nabi. Walaupun ada setengah pihak yang mengatakan perbuatan itu bidaah dengan menurunkan beberapa keterangan alim ulama, tetapi tidak semestinya keterangan-keterangan itu ditelan bulat-bulat kerana kita disuruh tidak *bertaqlid* buta dan berfikir sesuatu demi kebaikan. Sememangnya maulid itu mempunyai kebaikan iaitu memperingati Nabi Muhammad s.a.w dan sewajarnya kita menyintai Nabi. Walaupun Maulid Nabi bukanlah suruhan agama maka dengan sendirinya tidak akan ada pahala jika dikerjakan, akan tetapi tetap mempunyai kebaikan tersendiri (Qalam Bil. 54 1955). *Qalam* tidak bersetuju dengan pandangan Ismail Hali dalam *Qalam* yang mengatakan Maulid itu sebagai bidaah (Qalam Bil. 48 1954).

#### MENERIMA KETENTUAN ALLAH (QADA' DAN QADAR)

Kemunduran orang Melayu ini secara amnya juga disebabkan oleh sikap mereka yang mempercayai apa sahaja yang berlaku terhadap diri mereka telah ditentukan oleh Allah SWT dan haruslah menerima sama ada baik atau buruk dengan kerelaan dan hati terbuka. Segelintir orang Melayu umumnya masih kurang memahami konsep qada' dan qadar dengan tepat. Tidak hairanlah sekiranya sering kedengaran orang Melayu yang ditimpah musibah menuduh Allah SWT itu zalim. Ungkapan begitu tidak terhenti di situ sahaja tetapi ia menular kepada perbuatan lalu Iahirlah tingkah laku yang buruk seperti tidak menunaikan suruhan agama dengan alasan masih belum sampai 'seru' atau belum ditakdirkan berbuat begitu. Terdapat juga orang yang melakukan kes jenayah tanpa rasa bersalah kerana beranggapan bahawa takdir telah memaksa diri mereka melakukan kejahatan dan mereka hanyalah melaksanakan tuntutan atau kehendak takdir (Syed Mohammad Hilmi 2006).

*Qalam* menyatakan, sebahagian orang Melayu melihat ajaran-ajaran Islam itu kaku beku dan menghalang kemajuan serta mendesak penganutnya berserah kepada takdir Ilahi sahaja (Qalam Bil. 6 1951). Dalam hal ini, kebanyakan orang Melayu menyangka bahawa qada' dan qadar bermaksud Allah SWT memaksa hambaNya mengikut apa yang telah ditetapkan. Hakikatnya bukan begitu,

qada' dan qadar ialah pemberitahuan bahawa Allah SWT mengetahui terlebih dahulu segala apa yang akan terjadi atas usaha hambaNya dan ianya terjadi berdasarkan ilmuNya yang tidak terjangkau akal manusia (Syed Mohammad Hilmi 2006). Sekiranya semua perlakuan manusia terjadi kerana paksaan Allah SWT, maka tiada gunanya Allah SWT memberi pembalasan terhadap setiap perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh hambaNya. Za'ba menjelaskan, sekiranya Allah SWT mengikut *iradatNya* (kehendak) sahaja, nescaya tiada seorang pun yang menjadi sesat kerana semua manusia akan diberi taufik dan hidayah. Namun, Allah SWT menetapkan yang Dia memberi kebebasan kepada manusia untuk memilih sama ada beriman atau kufur (Za'ba 1980) Seperti FirmanNya, "*Maka barang siapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barang siapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir.*" (al-Kahfi 15:29).

Memang benar, takdir, qada' dan qadar adalah ketentuan Allah dan umat Islam wajib mempercayainya namun Islam tidak menggalakkan umatnya berserah membuta tuli tanpa ada usaha atau ikhtiar untuk mengubahnya. Contohnya kemiskinan, kekecewaan, kegagalan, sakit dan sebagainya. Perkara ini boleh mendorong seseorang bersikap pesimis, tidak mahu berusaha dan berpuas hati dengan apa yang telah ditentukan dalam hidupnya kerana percaya takdir telah tertulis sebegini. Seorang perlu untuk mengubah sikap pesimis ini bagi mengelakkan orang Islam terbelenggu dengan salah faham terhadap konsep qada' dan qadar. Kemunduran inilah yang ditegaskan oleh ilmuan Islam Mesir, Jamaludin Al-Afghani dalam *Qalam* yang mengatakan bahawa sememangnya manusia tiada kuasa melainkan Allah, Dialah yang menentukan qada' dan qadar serta percaya bahawa semua yang berlaku adalah kehendak Allah. Fahaman ini disebut oleh Al-Afghani sebagai '*Jabbariah*' iaitu manusia tiada kuasa untuk mengubah ketentuan Allah. Namun, ia membawa justifikasi bahawa setiap manusia harus berani dan cekal dengan ketentuan Allah dan sebolehnya berusaha dan berikhtiar untuk memperbaiki diri. Tidak hanya bergantung nasib pada sesuatu ketetapan yang telah dibuat. Menurutnya, qada' dan qadar bagi orang yang beriman akan membentuk sifat keberanian dan keperwiraan serta akan membangkitkan semangat yang mendorong kepada merempuh bahaya agar terus cekal menghadapi ketentuan Allah SWT. *Iktikad* yang demikian ini akan membentuk diri dengan azam yang teguh, tahan menderita dan sedia menentang sebarang bahaya seterusnya berusaha ke

arah menjadi lebih baik berserta doa dan tawwakal (Qalam Bil. 33 1953).

Sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “*Tiada sesuatu boleh menolak qada’ melainkan doa*” Menurut ulama Ahl as-Sunnah, doa berpengaruh dalam mengubah apa yang telah tertulis kerana doa mustajab memang berperanan untuk menolak takdir (Ishak Din & Harun Din 1995). Dengan berdoa, seseorang hamba itu akan merasakan dirinya lemah dan berhajat kepada Allah. Akan tetapi perubahan yang kita pohon itupun sudah ditetapkan melalui doa. Janganlah kita menyangka apabila berdoa, bererti meminta sesuatu yang belum tertulis, bahkan doa kita telah tertulis dan apa yang terjadi kerananya juga telah tertulis. Sebagai seseorang hamba, kita tidak mengetahui apa akan berlaku ke atas diri kita melainkan Allah SWT. Apa yang perlu ialah seharusnya semua manusia menjalani kehidupan sebaik mungkin tanpa ada syak wasangka terhadap Allah. Ini menunjukkan kefahaman manusia amat terbatas tentang ketentuan Allah SWT. Oleh sebab manusia tidak mengetahui qada’ dan qadarnya, maka manusia perlu kepada usaha dan doa berterusan tanpa berputus asa. Usah menyalahkan takdir kerana semuanya itu mengandungi rahsia Allah yang tiada siapapun mampu merungkainya (Qalam Bil. 28 1952).

#### ULAMA SEBAGAI TOKOH PEMIKIR MELALUI *IJTIHAD*

Menurut Za’ba, orang alim pada ketika ini hampir semuanya tidak lagi mempunyai cukup kebolehan dan kelayakan seperti apa yang dilakukan oleh alim ulama dahulu yang berani mengeluarkan pendapat dan *berijtihad*. Sangat jarang daripada mereka yang tahu dan boleh bersendiri atau tahu menyiasat dan membuka jalan baharu sendiri, melainkan semuanya hanya biasa *bertaqlid* atau taksub mengikut ulama terdahulu sahaja (Qalam Bil. 31 1953). Peranan ulama sebagai tokoh pemikir Islam sangat penting kerana mereka merupakan pemimpin agama yang boleh menarik masyarakat ke jalan yang sebenar atau sebaliknya. Masyarakat Islam khususnya orang Melayu tentunya terdedah dengan pelbagai polemik atau permasalahan agama yang sering berlaku dalam dunia Islam lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan kemodenan yang banyak pengaruhnya. Bahkan kerencaman amalan dan pembelajaran pelbagai mazhab sering menimbulkan kekeliruan sehingga menyebabkan wujudnya puak yang berbeza pandangan antara ulama konservatif (Kaum

Tua) dan ulama moden (Kaum Muda) di Tanah Melayu yang akhirnya mencetuskan konflik apabila Kaum Tua enggan menerima pandangan Kaum Muda kerana begitu taksub dengan pandangan satu pihak sahaja. (Ahmad Sanusi Mohd Salleh 1980) Perbuatan sebegini hanya menyebabkan kejumudan pemikiran kerana disekat oleh aliran konservatif yang tidak menerima perubahan hasil dari *ijtihad* yang dilakukan. Secara umumnya, *ijtihad* ialah satu cara dimana proses berfikir digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul berdasarkan Al-Quran dan Hadis demi kesejahteraan masyarakat (Mohd Farid Shahran 2013).

Keadaan politik dan mentaliti masyarakat Melayu pada waktu itu sedikit sebanyak telah mengekang untuk golongan ulama *berijtihad* dan berfikir secara bebas. Misalnya, perdebatan hangat antara Kaum Muda dan Kaum Tua berkenaan masalah jilatan anjing di Kelantan (Abu Hanifah Haris 2019). Perdebatan timbul apabila Hj. Nik Abdullah anak kepada Hj. Wan Musa (bekas Mufti Kelantan) berpendapat bahawa jilatan anjing menurut pandangan mazhab Maliki tidak perlu disamak sedangkan mengikut mazhab Syafie wajib disamak (Nik Abdul Aziz 1977). Sementara, Hj. Wan Musa menekankan keharusan mengamalkan mana-mana pandangan sama ada Syafie, Maliki, Hanafi atau Hanbali meskipun diamalkan secara bercampur. Walau bagaimanapun, ulama Kaum Tua yang diketuai oleh Mufti Kelantan, Hj. Ibrahim bin Hj. Yusof menentang pandangan tersebut secara terbuka sehingga menyebabkan ketegangan dan perang pendapat antara ulama Kaum Tua dan Kaum Muda (Badriyah & Azmi 1984). Bagi meredakan ketegangan, Sultan Ismail telah menganjurkan sebuah majlis muzakarah di Istana Sri Cemerlang Kota Bharu pada 1937. Walau bagaimanapun, muzakarah tersebut gagal mencapai kata sepakat sehingga Sultan Ismail sebagai hakim tidak dapat memberikan keputusan (Nik Abdul Aziz 1977). Sebaliknya baginda menyerahkan kepada orang ramai untuk memilih sama ada menggunakan pandangan Hj. Nik Abdullah dan Hj. Wan Hassan atau pandangan Mufti Kelantan, Hj. Ibrahim (Abu Hanifah Haris 2019).

Begitu juga seperti yang berlaku kepada seorang ulama Indonesia Ustaz Hj. Hassan bin Ahmad (Hassan Bandung). Mufti kerajaan Johor, Syed Alwi bin Tahir al-Hadad telah memfatwakan bahawa kitab *Al-Tauhid* karangan Ustaz Hj. Hassan yang terbitkan oleh Qalam Press pada bulan Oktober 1952 adalah haram dibaca, disimpan dan hendaklah kitab itu dibakar kerana menurut pandangannya,

kitab itu menyalahi *iktikad* serta pegangan Islam. Hj. Hassan juga dikatakan telah menyusun kitab undang-undang *al-Tauhid* itu dengan tidak mengikut mazhab Syafie dan cuba mempengaruhi masyarakat meninggalkan mazhab Syafie agar terpengaruh masuk ajaran *Qadyani* (Nik Yusri Muda 2006). Kitab tersebut menjadi sasaran bidasan kebanyakan umat Islam yang bermazhab Syafie. Puncanya ialah Hj. Hassan menyatakan pandangan beliau bahawa menurut mazhab Hanafi dan Hanbali baki tu haram dimakan tetapi tidak najis apabila disentuh. Oleh kerana pandangan beliau itu bertentangan dengan pendapat mazhab Syafie, beliau telah dikecam hebat (Nik Yusri Muda 2006). Dalam hal ini, *Qalam* telah menimbulkan persoalan, adakah umat Islam yang bermazhab Syafie di Tanah Melayu berani mengatakan bahawa imam-imam tersebut juga sesat? Fatwa tuan mufti pula tidak memberi alasan dan keterangan-keterangan yang tepat tentang hukum-hukum yang menentukan di manakah salahnya tentang *iktikad* itu, adakah ia telah meyekutukan Allah atau seumpamanya atau adakah ia menyalahi daripada pengajaran-pengajaran yang diajar serta ditunjukkan oleh Rasulullah yang berpandu kepada al-Quran dan al-Hadis (*Qalam* Bil. 35 1953). Seorang pembaca, S. Afendi dari Parit Kassim, Batu Pahat, Johor mengatakan bahawa, mufti tersebut seharusnya menunjukkan di mana yang salah supaya orang awam tidak *bertaqlid* buta. Beliau berpandangan supaya pertukaran fikiran di dalam masalah-masalah itu perlu diselenggarakan dengan baik sambil mencadangkan supaya tuan mufti menghasilkan satu kitab untuk memberi penjelasan kepada masyarakat awam di mana salahnya dan apa yang perlu diperbetulkan, kerana di dalam kitab tersebut kebanyakan masalah-masalah yang diketengahkan adalah berdasarkan kepada kitab Allah dan sunnah RasulNya. Adakah orang ramai akan berasa bahawa keterangan yang tepat daripada kitab Allah dan sunnah Rasul SAW itu yang jadikan keterangan di dalam kitab *al-Tauhid* itu adalah satu pembohongan? (*Qalam* Bil. 86 1957). *Qalam* bersetuju dengan pandangan tersebut dan menyatakan:

Nyata bahawa hujah tuan mufti itu hanya mengikut perasaan bukan hujah-hujah yang disandarkan kepada Al-Quran dan al-Hadis. Kita telah sampai kepada satu tahap dimana tiap-tiap sesuatu yang dibawa itu perlulah dibincang dengan alasan-alasan yang tepat kerana kita tidak disuruh untuk *bertaqlid* buta. Ulama yang sebenar adalah mereka yang memberi penerangan dengan hujah-hujah yang tepat melalui *ijtihad* mereka serta memberi penyiasatan yang jitu bersandarkan al-Quran dan Hadis.

(*Qalam* Bil. 35 1953).

Pandangan yang mengatakan mengambil fikiran daripada mazhab-mazhab lain sebagai haram sebaliknya wajib berpegang kepada satu mazhab sahaja adalah bersalah sama sekali. Pandangan sebegini disifatkan sebagai satu kebodohan dan kejahilan yang menyekat masyarakat Islam dari kemodenan bahkan membawa kemunduran (*Qalam* Bil. 54 1955). *Qalam* menegaskan bahawa masyarakat Islam sekarang hendaklah menggunakan semua fasal perundangan Islam yang banyak itu dengan tidak terikat kepada sesuatu mazhab sahaja. Fahaman memaksa manusia berlingkar dalam satu mazhab sepanjang hidupnya akan membawa kesempitan dalam keluasan undang-undang Islam. Hukum dan perundangan Islam tidak harus dikecilkan dengan melihat sesuatu sumber sahaja. Ini bermakna ulama perlu membuka pintu *ijtihad* seluas-luasnya (*Qalam* Bil. 54 1955). Banyak perkara baru mesti diberi layanan dan perhatian serta tidak dapat diciptakan jika tidak *berijtihad*. Tidak ada sebab untuk tidak *berijtihad* pada zaman ini kerana setiap individu boleh mencapainya dengan latihan, perhatian dan mendalami kajian dalam undang-undang Islam dengan mengambil hukum-hukum dari Al-Quran dan Hadis. Bagi yang jahil dikehendaki bertanya kepada yang alim. Oleh itu, ulama yang mahir dalam ilmu-ilmu agama harus tampil menyelesaikan permasalahan dalam masyarakat khususnya berkaitan hukum dan perundangan Islam melalui *ijtihad* secara berterusan. Sekiranya ulama tidak *berijtihad* akan timbul perkara-perkara yang tidak ada hukumnya dari syarak, kerana zaman sentiasa berubah dan nas-nas Al-Quran dan Hadis perlu disesuaikan dengan keadaan dan kejadian yang berlaku dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian maka para alim ulama perlu menggandakan usaha, tenaga dan meluaskan pintu *ijtihad* untuk menyesuaikan nas-nas sedia ada dengan hukum-hukum baharu berdasarkan permasalahan dalam masyarakat (*Qalam* Bil. 54 1955).

Dapat difahami bahawa *Qalam* menginginkan seluruh masyarakat Melayu lebih hampir kepada Al-Quran dan as-Sunnah. Dengan cara itu masyarakat akan lebih selamat kerana pegangan aqidah dan ibadat dapat disertai dalil sohih tanpa terikat kepada *taqlid* suatu aliran pendapat sahaja. Dalam hal ini, akal dapat digunakan dengan baik. Inilah yang dilatih oleh Islam supaya masyarakat yang berilmu itu boleh bercakap dan berfikir bagi mentafsir dasar-dasar ilmu Islam melalui kaedahnya yang luas supaya dapat disesuaikan dengan apa sahaja tuntutan masa dan keadaan (*Qalam* Bil. 54 1955). Perselisihan

diantara mazhab itu berlaku adalah demi keluasan risalah Islam dan seharusnya kita mengambil pengajaran bahawa perselisihan itu membawa kebaikan atau dari sudut positifnya membawa kepada perkembangan keilmuan Islam dengan lebih meluas. Ini menunjukkan proses menjana idea dapat hidup subur kerana fahaman beserta pandangan yang baharu daripada sumber Al-Quran dan Hadis dapat dikeluarkan. Demikianlah sepatutnya yang dikehendaki oleh *Qalam* yang menyeru setiap individu yang mempunyai kelayakan bersandarkan akal yang sihat dan tajam melihat kepentingan budaya berfikir sebagai alat untuk mempercambah bidang ilmu demi kesejahteraan masyarakat. Oleh yang demikian maka wajiblah seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh memperoleh ilmu dan mencurahkan sehabis-habis tenaga untuk menyelidiki dan mengkaji semula masalah ekonomi, politik, agama mahupun perundangan Islam, bukannya hanya mengikut fahaman orang lain dengan buta tuli sahaja. Maka tidak hairanlah budaya berfikir melalui *ijtihad* ulama itu merupakan satu bentuk kemodenan yang disarankan oleh *Qalam* supaya masyarakat mengambil contoh daripadanya agar tidak terus jauh terkebelakang dalam kecetekan ilmu (*Qalam* Bil. 54 1955).

Dalam konteks ini, Za'ba melihat ulama perlu mencontohi imam-imam mazhab yang empat, ulama-ulama atau mufti-mufti (*syeikh ul-Islam*) yang diiktiraf ilmu-ilmu mereka. Ini kerana alim ulama tersebut telah *berijtihad* dalam menetapkan sesuatu hukum atau perkara yang permulaannya bercanggah. Dalam menetapkan sesuatu hukum berdasarkan *ijtihad* ini, setiap daripada mereka itu tidak pula mengikut buta sahaja apa yang diperkatakan oleh guru masing-masing sebaliknya mereka secara bersendirian iaitu berfikir dan memahamkan tiap-tiap nas agama (*Qalam* Bil. 54 1955). Dapat difahami, Za'ba dalam tulisannya begitu menitikberatkan proses berfikir secara bersendirи / kendiri (independence) kerana seseorang tidak akan mendapat ilmu pengetahuan melainkan dengan usaha dirinya sendiri (*Qalam* Bil. 31 1953). Maksudnya di sini bahawa, orang yang tidak sempurna akalnya maka sudah tentu tidak akan dapat menjalankan agamanya kerana agama itu tidak akan tumbuh bagi orang yang tidak mahu berfikir. Selain daripada itu, seseorang itu mesti menggunakan pengetahuannya untuk mencari lagi ilmu lain yang baharu, iaitu menambah dan memperdalam ilmu-ilmu yang telah sedia ada supaya semakin bertambah kelayakannya dan kebolehannya.

## KESIMPULAN

Konklusinya, *Qalam* telah menjalankan tanggungjawab sosialnya sebaik mungkin sebagai ajen perubahan masyarakat. Melalui rencana-rencana yang ditampilkan, *Qalam* tidak sunyi untuk menggesa orang Melayu terus ke hadapan seiring dengan pembangunan yang kian pesat. Dalam seruannya itu, *Qalam* sering mengingatkan umat Islam untuk menganalisa terlebih dahulu sesuatu maklumat sebelum membuat sebarang kenyataan. Seruan *Qalam* amat relevan dalam konteks hari ini yang mana budaya berfikir amat penting kerana dapat menghindarkan dari pemikiran yang bersifat tuduhan kosong dan menghukum sesuatu perkara tanpa dalil yang terang. Justeru dapat diperhatikan, *Qalam* begitu tegas menentang perbuatan *bertaqlid* buta kerana perbuatan itu menjadi asas yang boleh menarik manusia kepada amalan khurafat, berserah kepada ketentuan dan nasib serta kejumudan fikiran. Sebagai alat kepada percambahan fikiran, *Qalam* menyeru supaya ulama yang berkelayakan *berijtihad*. Namun, seruan itu bukanlah dengan tujuan supaya mereka menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, tetapi apa yang dimaksudkan ialah layanan perundangan yang cukup dan sesuai terhadap keadaan baru dalam perubahan dunia moden yang semakin mencabar. Dalam erti kata lain memugar semula idea lama yang kurang sesuai diamalkan oleh masyarakat hari ini dan menggantikannya dengan sesuatu yang baharu berdasarkan hujah bersumberkan dalil Al-Quran dan Hadis. *Qalam* sedar bahawa perkembangan perundangan Islam hanya akan didapati dengan kembalinya alim ulama ke alam pergolakan *ijtihad* agar Islam dari segi perundangan akan dapat memberi sumbangan besar kepada kehidupan masyarakat dan negara. Alim ulama pada hari ini tidak harus bergantung sepenuhnya kepada kitab-kitab karangan ulama terdahulu dan kepada keputusan imam-imam mujtahidin semata-mata sebaliknya perlu berfikir, menyelidiki dan membuat pertimbangan sendiri akan hujah-hujah mereka dalam menentukan kuat atau lemahnya asas-asas pendangan mereka itu.

Melalui dapatan kajian ini juga, *Qalam* dilihat sebagai penyambung legasi Kaum Muda yang mengajak orang Melayu meninggalkan amalan-amalan kolot mereka. Hal ini seolah-olah mengulang kepada perjuangan yang dilakukan oleh Syed Syeikh Al-Hadi semasa menentang aliran Kaum Tua sekitar awal abad ke-20. Dalam perjuangannya, Syed

Syeikh Al-Hadi bersungguh-sungguh membentras ajaran karut-marut dan bidaah serta tokok tambah dalam hukum agama yang dianjurkan oleh golongan ulama yang *bertaqlid* buta sehingga sangat sukar bagi orang awam untuk menentukan apakah ajaran yang diikuti itu adalah berlandaskan ajaran Islam yang sebenar atau tidak (Abdul Aziz Mat Ton 2006). Malah pendapat beberapa sarjana yang mengkaji gerakan pembaharuan Islam misalnya tulisan William R. Roff (1994 & 1973), Abdul Aziz Mat Ton (2000 & 2006) Kamarul Afendey dan Ishak Saat (2020) sering mengaitkan idea perubahan Islam di Tanah Melayu dengan peranan Kaum Muda yang dipimpin oleh Syeikh Tahir Jalaludin dan Syed Syeikh Al-Hadi sekitar awal abad ke-20 dilihat boleh ditambahbaik ekoran *Qalam* turut bertindak sebagai gerakan pembaharuan dalam kepercayaan dan pemahaman Islam dalam tempoh yang dinyatakan meskipun ia hanya sekadar sebuah bahan bacaan yang berbentuk majalah.

#### RUJUKAN

- A. Ghapa Harun. 1987. Kemunduran dan kemajuan masyarakat Melayu dari perspektif akhbar-majalah Melayu 1920-1941. *Jebat* 15: 81.
- Abdul Aziz Mat Ton. 2000. *Politik Al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Pengislahan Masyarakat Melayu: Perbincangan Al-Imam (1906-1908)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Mursyidi. 1952. Khurafat-khurafat dan karut marut yang merendahkan Islam. *Qalam* 29: 16.
- Abdul Latif Muda. 2003. *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. & Rosmawati Ali@Mat Zin. 2001. *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 1997. *Pengantar Usul Fiqh*, Kelantan: Ilham Abati Enterprise.
- Abdul Qadir Ismail Abdullah. 1955. Ijtihad di dalam Islam. *Qalam* 54: 11-14.
- Abdullah Basmeh. 1951. Muhammad Rasulullah: Juru selamat bagi seluruh alam. *Qalam* 6: 19-20.
- Abdullah Hussain. 2005. *Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Haris. 2019. *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu al-Mukhtar. 1950. 1001 masalah. *Qalam* 4: 38.
- Ahmad Mohamad Said. 1996. *Dualisme dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Dawah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad Senusi Mohd Salleh. 1980. Kaum Muda dan Kaum Tua dalam Sejarah Tanah Melayu. *Dian* 134: 23-24.
- Asraf. 1950. Syurga. *Mastika* 41: 14.
- Badriyah Hj. Salleh & Azmi Mohd Nasir. 1984. Dua orang tokoh agama. *Malaysia dari Segi Sejarah* 13: 47-56.
- Edrus. 1950. Awas fikiran yang menyesatkan. *Qalam* 2: 40.
- \_\_\_\_\_. 1950. Bidasan kepada faham tidak bertuhan. *Qalam* 2: 32-35.
- \_\_\_\_\_. 1951. Menuntut perubahan. *Qalam* 13: 1.
- \_\_\_\_\_. 1957. 1001 masalah. *Qalam* 86: 6.
- \_\_\_\_\_. 1951. Berhari rayalah dengan majalah *Qalam*. *Qalam* 11: 2.
- \_\_\_\_\_. 1952. Rencana pengarang: Yang haq dan yang batil. *Qalam* 39: 3-5.
- \_\_\_\_\_. 1953. Kopi pahit. *Qalam* 35: 24.
- \_\_\_\_\_. 1953. Mufti Kerajaan Johor: Fatwanya mengharamkan kitab Al-Tauhid karangan Al-Ustaz Hasan bin Ahmad. *Qalam* 35: 58.
- \_\_\_\_\_. 1953. 1001 masalah. *Qalam* 37: 45 & 46.
- \_\_\_\_\_. 1956. Ikwan al-Muslimin bersatulah sekarang: Tegakkanlah jihad sardara-saudara untuk menegakkan agama Allah. *Qalam* 77: 3-4.
- \_\_\_\_\_. 1956. Kepada Anggota-anggota Ikhwan. *Qalam* 74: 40.
- Farid Wajdi. 1951. Masalah yang wajib dikaji: Sebab-sebab kemunduran orang Islam. *Qalam* 6: 36.
- Hasan Ahmad. 1953. Kitab Tauhid. *Qalam* 35: 5-6.
- Ishak Din & Harun Din. 1995. *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Mukmin*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Nu'man.
- Ismail Hali. 1954, Julai. Al-Qawwul Al-Mafid Li Fadat Al-Mustafid. *Qalam* 48: 35.
- Jamaludin Al-Afghani. 1953. Qada dan qadar. *Qalam* 33: 46.
- Kamarul Afendey Hamimi & Ishak Saat. 2020. *Kaum Muda di Tanah Melayu 1906-1957*. Perak: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Latifah Abdul Majid. 2001. Ijtihad Rasulullah SAW: Perbahasan ulama dan pengertian mengenai kesalahan dalam berijtihad oleh Baginda SAW. *Jurnal Usuluddin* 14: 65-76.
- Muhammad Abu al-Laith al-Khayr Abadi. 2005. *Ittijahat Fi dirasat al-Sunnah Qadimuhu wa Hadithuhu*. Gombak: Pusat ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad Razif. 2018, November. 12. Hukum *bertaqlid* dalam aqidah. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/2748-al-afkar-24-hukum-bertaqlid-dalam-akidah>. Tarikh ekses 24 Mac 2020.
- Mohd Farid Shahran. 2013. *Islam and Multiculturalism: Islam, Modern Science and Technology*. Kuala Lumpur: Asia Europe Institute, University of Malaya and Organization for Islamic Area Studies Waseda University, Japan.

- Mohd Haidhar Kamarzaman, Mudasir Rosder, Abdull Rahman Mahmood, Kamarudin Salleh & Udah Mohsin. 2015. Pegangan akidah dan keperluan manusia terhadapnya. Dlm. *Citra Usuluddin dan Falsafah*, disunting oleh Ahmad Sunawari & Zul'Azmi Yaakob, 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Ali Hamidi. 1955, November. Sebab-sebab memperingati mawlid nabi. *Qalam* 54: 9.
- Nik Abdul Aziz Hj. Nik Hassan. 1977. Tariq Shah Waliullah al Dihlavi di Jajahan Kota Bharu 1934-1950. Tesis M.A., Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 149
- \_\_\_\_\_. 1977. *Sejarah Pergerakan Ulama Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nik Yusri Muda. 2006. ‘Polemik Dato’ Sayed ‘Alwi bin Tahir al-Haddad dan A. Hassan Bandung: Gambaran pemikiran fiqh Nusantara’, dalam *Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu: Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III*, 15-17 April 2006, Kepala Batas, Pulau Pinang. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: 536-543.
- Penyambil. 1954. Kebebasan berfikir dalam Islam: Islam dan kedudukan akal manusia. *Qalam*, bil. 53: 10-12
- R. Roff, William. 1962. Kaum Tua and Kaum Muda: Innovation and reaction among Malays, 1900-1940. Dlm. *Paper on Malayan History: Jurnal South East Asian History*, disunting oleh K. G. Tregonning, 162-191. Singapore.
- \_\_\_\_\_. 1994. *The Origins of Malay Nationalisme*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Saifuddin. 1952. Bidah dan khurafat. *Qalam* 27: 9-12.
- \_\_\_\_\_. 1953. Perbuatan bidaah meruntuhkan ibadah. *Qalam* 31: 9-10.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2006. Permasalahan sekitar qada' dan qadar. *Jurnal Afkar* 7: 64
- Talib Samat. 2004. *Ahmad Luthfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. 1980. *Falsafah Takdir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1952. Kewajipan manusia kepada dirinya sendiri: Didikan hati dan budi pekerti. *Qalam* 27: 27-28.
- \_\_\_\_\_. 1951. Kewajipannya bagi mendapat kejayaan. *Qalam* 29: 31-34.
- \_\_\_\_\_. 1953. Dalam perkara agama, jangan bertaqlid buta. *Qalam* 31: 35.
- \_\_\_\_\_. 1953. Mencapai ketinggian dunia akhirat: Perangai bergantung kepada diri sendiri III: Dalam perkara agama jangan bertaqlid buta. *Qalam* 31: 5-38.
- \_\_\_\_\_. 1953, Mac. Mencapai ketinggian dunia akhirat: Perangai bergantung kepada diri sendiri IV: Bersendiri pada ilmu dan amalan. *Qalam* 32: 27-31.
- Zulkifli Muhammad. 1955. Sebab Timbulnya perselisihan mazhab-mazhab. *Qalam* 54: 15-18.

#### PENGARANG

Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif  
 Jabatan Sejarah  
 Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
 Universiti Malaya (UM)  
 shahrulazhasharif@gmail.com

Arba'iyah Mohd Noor  
 Jabatan Sejarah  
 Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
 Universiti Malaya (UM)  
 arbaiyah@um.edu.my

Mohd Firdaus Abdullah  
 Bahagian Sejarah  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK)  
 Universiti Sains Malaysia (USM)  
 mohdfirdausabdullah@ymail.com